

Terap sistem pendigitalan, awasi 169 pangkalan haram di sempadan

Pemasangan CCTV berupaya kekang aktiviti penyeludupan, kurangkan risiko jenayah

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
fazlina@bh.com.my

Rantau Panjang: Sebanyak 169 pangkalan haram di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan perlu diberi perhatian serius dengan menerapkan sistem pendigitalan, termasuk pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) bagi menangani isu sempadan.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, meminta pemasangan CCTV dipercepatkan.

"Menerusi perbincangan saya dengan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusuff Mamat memaklumkan terdapat 169 pangkalan haram di kawasan sempadan yang perlu diberi perhatian serius.

"Saya menggesa Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Ketua Polis Kelantan supaya terapkan sistem pendigitalan dalam tangani isu sempadan.

"Pada masa sama, saya minta supaya isu pemasangan CCTV diselesaikan dengan segera. Kita perlu teroka sistem pendigitalan seperti yang disaran oleh Per-



Shamsul Azri (tengah) meninjau kawasan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

dana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) sebagai pemudah cara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Pengoperasian Rintis AKPS di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KDN, Datuk Awang Alik Jeman dan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusuff Mamat.

Shamsul Azri juga berkata, Penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Mala-

ysia (AKPS) mampu menyatukan pelbagai fungsi penguatkuasaan sempadan di bawah satu rantaian arahan.

Katanya, ia memandangkan sebelum ini pengurusan sempadan di Malaysia membabitkan pelbagai agensi, termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen serta banyak lagi menyebabkan ketidakcekapan, pertindihan tugas dan halangan komunikasi.

Pendekatan lebih selaras

"Dengan menyatukan pelbagai fungsi utama secara bersepadu di bawah tanggungjawab sebuah agensi, kita akan mewujudkan

pendekatan yang terselaras untuk kawalan sempadan yang lebih baik.

"Sebagai contoh, pengembara yang tiba di sempadan kita perlu melalui lapisan pemeriksaan berbeza yang diuruskan oleh pelbagai agensi, yang boleh menyebabkan kekeliruan dan kelewatan.

"Dengan penubuhan AKPS, kita mahu menyediakan pengalaman yang lebih lancar di mana pengembara boleh menjalani semua pemeriksaan yang diperlukan di lapisan pemeriksaan setempat dan tidak terlalu kompleks.

Pada masa sama katanya, pe-

nubuhan AKPS selepas menjalini kajian selama tujuh tahun itu turut mencabar nilai dan taat setia pegawai perkhidmatan yang melaksanakan tugas di pintu masuk negara.

"Alhamdulillah, lebih lima agensi teras yang berjaya digabungkan di bawah satu agensi penguat kuasa bagi menjaga dan mengawal selia pintu masuk sempadan.

"Saya yakin, ini adalah selaras dengan langkah penting yang saya usahakan untuk meletakkan asas kukuh dalam Reformasi Perkhidmatan Awam dengan menggunakan pendekatan bersekutu dan bersepadu," katanya.

Operasi rintis AKPS uji daya tahan pasukan

Rantau Panjang: Operasi rintis Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang yang bermula semalam menguji daya tahan pasukan kerana pintu masuk itu menjadi lokasi aktiviti penyeludupan.

Ketua Pengarah AKPS, Datuk Seri Hazani Ghazali, berkata pintu masuk itu bukan sahaja sibuk dengan urusan rasmi se-

membiarkan pihak berkenaan lebih laju dalam operasi ini.

"Kompleks ICQS Rantau Panjang dipilih sebagai lokasi rintis kerana ia adalah antara pintu masuk utama yang strategik antara Malaysia dan Thailand.

"Pelaksanaan pengoperasian rintis AKPS di sini adalah langkah pertama bagi AKPS beroperasi serta mengenal pasti kebaikan dan kelemahan yang akan diperbaiki sebelum pelaksanaan pengoperasian diper-

AKPS kelak, di samping bertujuan menangani isu kritikal seperti ini secara lebih tegas dan menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pengoperasian Rintis AKPS di ICQS Rantau Panjang yang dirasmikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Mengulas lanjut katanya, AKPS bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kawalan

si tunggal yang diwujudkan untuk menyelaraskan semua urusan pintu masuk sempadan negara, AKPS adalah cerminan komitmen Kerajaan MADANI di bawah kluster Kemakmuran untuk memastikan integriti dan keberkesanan kawalan pintu masuk sempadan berada pada tahap tertinggi.

"Justeru, dengan pelaksanaan pengoperasian rintis ini, kita bukan sahaja memenuhi aspirasi Jemaah Menteri, tetapi juga

gungjawab AKPS ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sabah, Sarawak, Kedah dan Pelabuhan Klang.

"Untuk projek rintis di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang hari ini membabitkan kekuatan 123 pegawai dan anggota.

"Untuk 21 pintu masuk lagi, kita anggarakan membabitkan lebih 6,000 pegawai dan anggota.